

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN  
IDRIS  
[ Jerantut ]**

**TARIKH : 31.03.2015 (SELASA)**

**NO. SOALAN : 56**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Jalan Kampung Tuit ke Kampung Pagi di Kuala Tahan, Jerantut akan disiapkan sepenuhnya dan berapakah kos pembinaan keseluruhan projek serta berapa peratus pembayaran yang telah dijelaskan kepada pihak kontraktor sehingga kini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Membina Jalan Dari Kg. Tuit, Kuala Tahan ke Kg. Mat Daling, Jerantut, Pahang (Fasa 1 – Dari Kg. Tuit ke Kg. Pagi) sedang dalam pelaksanaan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan Julai 2015.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kos keseluruhan projek adalah sebanyak RM141 juta dengan nilai kontrak berjumlah RM121 juta. Sehingga kini, Kementerian telah membayar sebanyak RM93,123,239.70 atau bersamaan 76.9% daripada nilai kontrak.